



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
PROGRAM CITRA NUSA @INDONESIA: KITA SERUMPUN PERKASA
BIDANG PERMUZIUAMAN SERANTAU

JAKARTA, 13 OGOS 2024 –Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Negara menganjurkan Program Citra Nusa @Indonesia: Kita Serumpun di Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Program ini dirancang khusus dalam usaha mempromosikan konsep Malaysia MADANI serta selari dengan Piagam Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN) iaitu Satu Visi, Satu Identiti serta Satu Komuniti Penyayang dan Prihatin.

Menurut YB Datuk Aaron Dagang “dalam konteks negara serantau, Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan istimewa. Kedua-dua negara mempunyai persamaan yang terbentuk dari perkongsian ikatan sejarah, budaya, kulineri serta bahasa. Hubungan Malaysia dan Indonesia dalam bidang permuziuman terutama melibatkan perkongsian kepakaran, program latihan, pertukaran pameran serta program silang budaya antara kedua-dua negara telah berterusan sekian lama”.

Pameran KITA SERUMPUN yang bermula pada 1 - 31 Ogos 2024 merupakan antara pengisian utama program ini yang memberi fokus untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Indonesia terhadap Malaysia khususnya dari aspek sejarah dan budaya sekaligus dapat mengeratkan hubungan yang sedia terjalin antara dua negara. Dalam program yang sama, turut diadakan FESTIVAL KITA SERUMPUN yang menampilkan persembahan kebudayaan, demonstrasi permainan tradisional, demonstrasi kulineri dan program pendidikan muzium yang melibatkan penyertaan enam negeri dari Malaysia iaitu Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan dan Kedah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyatakan sebanyak 11 Program Citra Nusa yang telah dirancang untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan khazanah warisan negara dalam kalangan masyarakat. Menerusi program yang memasuki tahun kedua ini, muzium berperanan sebagai *guardian*

of heritage yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi sejarah, warisan, seni dan budaya. Pada masa ini, keseluruhan koleksi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) berjumlah 437,142 koleksi di mana 74 % (322,923) koleksi ini terdiri daripada koleksi arkeologi diikuti 18% (76,858) spesimen alam semula jadi dan 8% (37,361) koleksi etnologi. ujar beliau lagi.

Menteri Perpaduan Negara turut berharap agar program yang dianjurkan pada kali ini akan dapat **menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat ‘*tangible*’ (ketara) dan ‘*intangible*’ (tidak ketara)** khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi pendekatan ‘***rejuvenate***’ muzium (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi.

Kementerian turut merakamkan penghargaan kepada Muzium dan Cagar Budaya, Direktorat Jenderal Kebudayaan, Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi Republik Indonesia, Muzium Kebangkitan Nasional, Tuan Yang Terutama Duta Malaysia, Malawakil, muzium-muzium negeri, semua agensi sama ada kerajaan, swasta, komuniti serta NGO yang turut sama memastikan kejayaan Program Citra Nusa @ Indonesia:Kita Serumpun.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Ogos 2024